



SKIM POS BASIK/PENGGHUSUSAN

1. PENGENALAN

Kepercayaan bahawa kursus pos basik/latihan pengkhususan adalah dapat meningkatkan kepakaran dan kemahiran staf UITM dalam menjalankan tugas hakiki dan dapat melahirkan staf UITM yang profesional dan setanding dengan organisasi lain. Latihan ini ditawarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi staf di dalam bidang Perubatan, Sains Kesihatan atau yang berkaitan.

2. SKOP

Kursus Pos Basik/Latihan Pengkhususan ini adalah bagi bidang-bidang yang tertera seperti di Lampiran A.

3. TEMPOH KURSUS

Staf tertakluk kepada tempoh kursus yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia seperti di Lampiran A.

Dalam keadaan yang tertentu di mana Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf Induk (JKLPS(I)) berpuashati di atas kemajuan kursus yang diikuti dan didapati bahawa perlanjutan tempoh kursus sangat-sangat diperlukan, Jawatankuasa boleh atas budi bicaranya meluluskan perlanjutan tempoh pengajian di bawah kursus tersebut.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- telah disahkan dalam perkhidmatan
- Prestasi tahunan adalah sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun terkini
- Tempoh latihan Pos Basik/Pengkhususan adalah 6 bulan hingga 12 bulan sahaja secara sepenuh masa
- Bidang Pos Basik/Pengkhususan memenuhi keperluan universiti dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Latihan & Pembangunan Staf (induk)
- Tempat latihan adalah di Institut Latihan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia
- Permohonan perlu disokong oleh Dekan Fakulti/Ketua Jabatan/Rektor

5. YURAN

Yuran pengajian, bayaran peperiksaan dan pendaftaran akan dibayar oleh Universiti Teknologi MARA (sekiranya ada). Kadar yuran adalah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia seperti di Lampiran A.

6. ELAUN

Semasa mengikuti kursus puan diperuntukkan dengan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- a) **Elaun Sara Hidup** sebanyak **RM 750.00 sebulan**.
- b) **Tambang Perjalanan (jika berkenaan)**
Tambang perjalanan pergi balik ke Institusi Latihan sekali sahaja berdasarkan tambang lazim bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja.

- **Elaun Terlebih Bayar**

Sekiranya staf menerima elaun-elaun atau bayaran yang melebihi daripada jumlah sepatutnya, Universiti Teknologi MARA berhak pada bila-bila masa menuntut kembali elaun-elaun terlebih bayar tersebut.

7. TEMPAT LATIHAN DAN NOMBOR PERHUBUNGAN

Tempat latihan modul adalah seperti yang telah ditetapkan kepada staf yang dimaklumkan dalam surat tawaran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Berikut adalah nombor perhubungan Bahagian yang menguruskan latihan di Kementerian Kesihatan Malaysia:

- Nombor telefon Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Telefon : +603-88850687/6133

Faksimili : +603-88850746

- Alamat:

Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, No. 26 Persiaran Perdana
Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

8. KURSUS LATIHAN

Staf yang diluluskan mengikuti Pos Basik/Pengkhususan adalah dikehendaki mendaftarkan diri bagi mengikuti kursus seperti yang telah ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan adalah dilarang menukar kursus atau tempat latihan tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.

9. PERJANJIAN DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TEMPOH KURSUS	TEMPOH IKATAN PERJANJIAN	JUMLAH GANTIRUGI (RM)
6 bulan	Dua (2) tahun	40,000.00
12 bulan	Empat (4) tahun	100,000.00

- Staf dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian dengan Universiti Teknologi MARA untuk berkhidmat dengan Universiti Teknologi MARA selama **mengikut ikatan kontrak** sebaik sahaja tamat menjalani kursus dengan jayanya. Sekiranya staf meninggalkan kursus yang sedang diikuti atau ditamatkan atas sebab-sebab

apa sekalipun oleh pihak Universiti Teknologi MARA, atau gagal menyempurnakan tempoh ikatan sepenuhnya, maka staf dan penjamin-penjamin bersama atau berasingan, hendaklah membayar gantirugi kepada Universiti Teknologi MARA sebanyak **mengikut gantirugi yang dikenakan.**

- ii) Staf dikehendaki mengembalikan balik surat perjanjian dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh dihantar. Pihak Universiti berhak menarik balik tawaran pos basik sekiranya staf tidak menandatangani surat perjanjian seperti yang diarahkan oleh JKLP (I), Universiti Teknologi MARA.

10. PERKARA-PERKARA YANG PERLU LAKUKAN OLEH STAF SEMASA TEMPOH KURSUS

- i. Memberitahu Universiti Teknologi MARA tentang sebarang pertukaran alamat secara bertulis kepada:

**Ketua
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR
Tel: +603-55443100/3106/3095
Fax: +603-55443102**

- ii. Mengemukakan pelan latihan/pelan pengajian kursus kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia dalam masa satu (1) bulan memulakan latihan
- iii. Mengemukakan satu salinan keputusan peperiksaan setiap semester selepas keputusan peperiksaan diumumkan (jika berkenaan)
- iv. Berhubung terus dengan pihak **Unit Kewangan Zon 2, Pejabat Bendahari Universiti Teknologi MARA (+603-55443368)** sekiranya menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan pembayaran elaun.

11. TANGGUNGJAWAB

i) Tata Kelakuan

Semasa mengikuti kursus, staf adalah dikehendaki berkelakuan sebagai seorang yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi arahan-arahan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Universiti Teknologi MARA dan Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan dari masa ke semasa. Tindakan sewajarnya akan diambil andainya melanggar peraturan yang dikeluarkan oleh Universiti Teknologi MARA/ Kementerian Kesihatan Malaysia.

- ii) Sekiranya staf didapati atau dilaporkan terlibat dalam mana-mana jenayah dan apa-apa salahlaku yang boleh mencemarkan nama baik Kerajaan dan negara maka tindakan tatatertib akan diambil.

12. MELAPORKAN DIRI

Staf hendaklah melaporkan diri dengan segera ke Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi MARA setelah menamatkan kursus dalam tempoh yang ditetapkan atau tamat peperiksaan akhir (sekiranya ada) yang mana lebih awal sebelum ke Fakulti/Jabatan.

13. HAK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA berhak meminda apa-apa peraturan dan syarat-syarat di atas dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan staf adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.

KURSUS POSBASIK/PENGGHUSUSAN PENGAMBILAN SESI 2011
SENARAI KURSUS DAN TEMPOH BAGI KURSUS POSBASIK

BIL	KURSUS	KAPASITI	TEMPOH KURSUS	PESERTA KURSUS	YURAN SWASTA (RM)
1	Kebidanan	520	1 Tahun	Jururawat Terlatih	4,600.00
2	Kejururawatan Kesihatan Awam	80	1 Tahun	Jururawat Terlatih	4,600.00
3	Perawatan Neonat	45	6 Bulan	Jururawat Terlatih	3,500.00
4	Perawatan Pediatrik	100	6 Bulan	Jururawat Terlatih	3,500.00
5	Kecemasan (Advance Emergency Medical & Trauma Care)	100	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
6	Penjagaan Kesihatan Primer	30	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
7	Perawatan Koronari	80	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
8	Perawatan gerontologi	15	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
9	Perawatan Oftalmik	15	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
10	Perawatan Onkologi	30	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
11	Perawatan Ortopedik	25	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
12	Perawatan Perioperatif	100	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
13	Perawatan Psikiatri	25	1 Tahun	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	4,600.00
14	Perawatan Rapi	120	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
15	Perawatan Renal	55	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
16	Pengurusan Diabetis	70	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
17	Perubatan Sukan	20	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
18	Perawatan Otorinolaringologi	30	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
19	Forensik	20	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
20	Perawatan Neurosains	30	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
21	Perawatan Perianestesia	45	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
22	Kawalan Infeksi	50	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
23	Rehabilitasi	15	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
24	Gastrointestinal Endoscopy	20	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
25	Kaunseling HIV/AIDS	30	6 Bulan	J/rawat Terlatih / Pen. Peg. Perubatan	3,500.00
26	Sitologi	20	1 Tahun	Juruteknologi Makmal Perubatan	4,600.00
27	Pengurusan Personel Kesihatan	30	6 Bulan	Semua Kategori Paramedik	3,500.00
	JUMLAH	1720			